

# PEKELILING DEKAN

Bilangan 01 Tahun 2020

## **GARIS PANDUAN BERKENAAN PERJALANAN KULIAH SUSULAN ARAHAN PENTADBIRAN BERKAITAN KAWALAN DAN PENCEGAHAN PENULARAN COVID- 19 UNTUK FAKULTI FARMASI, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini disediakan sebagai garis panduan mengenai perjalanan kuliah bagi aktiviti akademik dan aktiviti pembangunan pelajar di Fakulti Farmasi susulan pekeling Naib Canselor Bilangan 2 Tahun 2020 mengenai arahan Pentadbiran Berkenaan Kawalan dan Pencegahan Berkaitan Penularan COVID-19 untuk warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

### **2.0 LATAR BELAKANG**

Pengurusan Fakulti Farmasi memandang serius mengenai pengisytiharan penularan jangkitan COVID-19 sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan laporan berkaitan dengannya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sehubungan itu, Mesyuarat Pengurusan Fakulti Farmasi Bil. 2 Tahun 2020 pada 14 Mac 2020 telah menyediakan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh warga Fakulti Farmasi.

### **3.0 PELAKSANAAN**

Semua warga Fakulti Farmasi (staf dan pelajar) adalah tertakluk untuk mematuhi garis panduan ini berkuatkuasa pada 16 Mac 2020 sehingga ketetapan baru yang akan dimaklumkan.

3.1 Aktiviti Akademik adalah berjalan seperti ketetapan berikut:

3.1.1 Semua warga fakulti perlu melalui saringan kesihatan yang dijalankan oleh staf fakulti bagi memastikan semua warga yang bergejala tidak mendedahkan diri kepada warga yang sihat.

- i) Warga yang bergejala demam, batuk dan selesema perlu mengelakkan diri daripada menghadiri kuliah atau menjarakkan diri dari warga yang sihat serta dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan kesihatan daripada klinik kerajaan berhampiran. Sekiranya terdapat disyaki, warga dinasihatkan untuk mengikuti arahan dan langkah-langkah yang ditetapkan oleh KKM.

- ii) Warga dengan gejala batuk dan selesema perlu sentiasa memakai penutup mulut (*mask*) dan mendapatkan rawatan segera dari Pusat Kesihatan UiTM atau klinik kerajaan berhampiran

### 3.1.2 Selaras dengan polisi Penyampaian Fleksibel UiTM (Pekeliling Akademik Bilangan 4 Tahun 2019)

- i) Pensyarah wajib mengambil inisiatif mengendalikan sesi pengajaran secara atas talian kepada para pelajar yang tidak dapat hadir kuliah disebabkan positif COVID-19 atau berada dalam kuarantin atau pensyarah tersebut terdedah kepada kontak Covid-19.
- ii) Pensyarah wajib menjalankan sesi pengajaran secara dalam talian bagi kuliah berbentuk *mass lecture* yang melibatkan lebih daripada 50 orang pelajar dengan mematuhi ketetapan yang terdapat di dalam Pekeliling Akademik Bilangan 4 Tahun 2019 bermula dari 23 Mac 2020 sehingga ketetapan lain.
- iii) Pensyarah perlu menghantar ringkasan/rekod rancangan pengajaran atas talian kepada Ketua Pusat Pengajian di mana Objektif pembelajaran dipenuhi dan pelan penilaian/ pentaksiran diikuti dengan baik.
- iv) Latihan amali/klinikal di premis yang berisiko perlu dielakkan dan pensyarah perlu melakukan pembelajaran alternatif kepada pelajar.

### 3.1.3 Pensyarah masih boleh menjalankan aktiviti kuliah PBL, Makmal dan Tutorial dengan cadangan berikut:

- i) Memastikan jumlah pelajar yang mengikuti aktiviti ini adalah tidak melebihi 50 orang.
- ii) Memastikan pelajar yang hadir telah melepasi saringan kesihatan dan telah mengambil langkah berjaga-jaga seperti perkara 3.1.1.

## 3.2 Aktiviti Pelajar

Aktiviti pelajar yang melibatkan penglibatan ramai perlu ditangguhkan walaupun telah mendapat kelulusan daripada Fakulti. Aktiviti Pelajar masih boleh dilaksanakan dengan cadangan berikut:

- iii) Memastikan jumlah pelajar yang mengikuti aktiviti ini adalah tidak melebihi 50 orang.
- i) Memastikan pelajar yang hadir telah melepasi saringan kesihatan dan telah mengambil langkah berjaga-jaga.

### 3.3 Sekiranya terdapat kes yang disyaki di Fakulti Farmasi, ruang di mana kontak dikesan akan dilaporkan dan dikunci serta merta. Pembersihan disinfeksi akan dijalankan mengikut ketetapan KKM.

#### **4.0 TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling dikeluarkan pada 16 Mac 2020

#### **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 16 Mac 2020

#### **6.0 PEMAKAIAN**

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga (staf dan pelajar) Fakulti Farmasi, UiTM Cawangan Selangor dan untuk edaran dalaman sahaja.
- 6.2 Tempoh penangguhan ini adalah tertakluk kepada perkembangan terkini wabak COVID-19 dan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 6.3 Sebarang implikasi kos yang ditanggung oleh warga disebabkan pembatalan atau penangguhan perjalanan ke luar negara tidak akan dibiayai oleh UiTM.
- 6.4 Kegagalan warga Fakulti Farmasi mematuhi pekeling ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.



**PROF. DR MOHAMED MANSOR MANAN**  
Dekan